

LAMPIRAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI JOHOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Kerajaan Negeri Johor dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 15 hingga 39.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dikehendaki selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Johor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Johor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Johor;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Johor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Pegawai Kewangan Negeri telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain


Saya ingin menarik perhatian terhadap pelaburan Kerajaan Negeri Johor dalam saham amanah di dua institusi pelaburan berjumlah RM18 juta yang bertentangan dengan perenggan 6.2, Piawaian Perakaunan Kerajaan 6. Pihak Kerajaan Negeri Johor adalah disarankan untuk melupuskan pelaburan tersebut pada tahun 2022.

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
27 JULAI 2022




**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM DAN
BENDAHARI NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM**

Pernyataan Kewangan Kerajaan Negeri Johor dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) Mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan 'International Public Sector Accounting Standard' – Financial Reporting under the cash basis of Accounting'; dan
- (b) Dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Johor.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor yang mengandungi **Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum** berserta **Nota kepada Penyata Kewangan** menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada **31 Disember 2021**.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan **Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2021**.



DATO' HAJI SALEHUDDIN BIN HAJI HASSAN
Pegawai Kewangan Negeri
JOHOR

23 Februari 2022



HAIRON NAZLI BIN ESA
Bendahari Negeri
JOHOR

23 Februari 2022

LAMPIRAN III

KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021

LT001

	Nota	2021 RM	2020 RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	730,554,180.79	995,004,637.29
PELABURAN	4	1,514,231,777.28	1,684,229,707.01
		<u>2,244,785,958.07</u>	<u>2,679,234,344.30</u>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	1,014,206,470.96	1,204,236,049.27
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	1,230,579,487.11	1,474,998,295.03
		<u>2,244,785,958.07</u>	<u>2,679,234,344.30</u>

LAMPIRAN IV

KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021

LT002

		2021	2020
	Nota	Anggaran RM	Sebenar RM
HASIL	5	1,609,070,000.00	1,428,147,483.51
Tolak :			
*Belanja Mengurus	5	1,041,532,000.00	978,177,061.82
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		567,538,000.00	449,970,421.69
Tolak :			
Belanja Pembangunan	7	850,000,000.00	799,367,384.80
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(282,462,000.00)	(349,396,963.11)
KURANGAN DIBIYAI OLEH:			
Pinjaman	6	-	-
Terimaan Balik Pinjaman Dan Pelbagai Terimaan	7	24,293,158.49	29,382,391.36
Perubahan Tunai, Pelaburan Dan Amanah	3 , 7 , 4	325,103,804.62	(69,212,755.78)
JUMLAH PEMBIAYAAN		349,396,963.11	(39,830,364.42)
Nota :			
*Belanja Mengurus adalah termasuk bayaran balik pinjaman dalam negeri tetapi tidak termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan			

LAMPIRAN V

KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER 2021

LT003

	2021		2020	
	RM	RM	RM	RM
TERIMAAN				
Hasil				
Hasil Cukai	550,364,437.12		685,460,342.76	
Hasil Bukan Cukai	681,309,760.66		762,503,248.23	
Terimaan Bukan Cukai	196,473,285.73		226,328,019.19	
		1,428,147,483.51		1,674,291,610.18
Pinjaman				
Pinjaman Dalam Negeri	-		-	
Pinjaman Luar Negeri	-		-	
		0.00		0.00
Terimaan Modal				
Jualan Instrumen Kewangan	2,200,229,707.01		4,476,353,038.71	
		2,200,229,707.01		4,476,353,038.71
Terimaan Lain				
Terimaan Amanah	7,742,431,941.57		13,541,814,294.54	
		7,742,431,941.57		13,541,814,294.54
JUMLAH TERIMAAN		11,370,809,132.09		19,692,458,943.43
BAYARAN				
Perbelanjaan Mengurus				
Emolumen	541,995,639.56		522,463,277.19	
Perkhidmatan Dan Bekalan	213,793,254.78		211,603,950.57	
Aset	16,122,806.61		21,112,418.07	
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	833,039,973.97		889,625,694.15	
Perbelanjaan Lain	13,225,386.90		18,831,637.51	
		1,618,177,061.82		1,663,636,977.49
Perbelanjaan Pembangunan				
Langsung	799,367,384.80		665,824,268.27	
Pinjaman	-		-	
		799,367,384.80		665,824,268.27
Perbelanjaan Modal				
Peibagai Perbelanjaan Modal	-		-	
Pembelian Instrumen Kewangan	2,030,231,777.28		4,100,359,342.05	
		2,030,231,777.28		4,100,359,342.05
Bayaran Balik Pinjaman				
Pinjaman Dalam Negeri	-		-	
Pinjaman Kepada Agensi /	-		-	
Pindahan Kepada Akaun Amanah		0.00		0.00
Bayaran Lain				
Bayaran Amanah	7,187,483,364.69		12,860,811,867.54	
		7,187,483,364.69		12,860,811,867.54
JUMLAH BAYARAN		11,635,259,588.59		19,290,632,455.35
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai		(264,450,456.50)		401,826,488.08
WANG TUNAI PADA 1 JANUARI		995,004,637.29		593,178,149.21
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		730,554,180.79		995,004,637.29

LAMPIRAN VI

KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
PENYATA AKAUN MEMORANDUM
PADA 31 DISEMBER 2021

LT004

	2021 RM	2020 RM
MEMORANDUM ASET		
Pinjaman Boleh Dituntut	246,426,602.51	299,379,391.93
Pelaburan	22,000,004.00	22,000,004.00
MEMORANDUM LIABILITY		
Pinjaman	54,400,000.00	57,600,000.00
Projek / Rancangan Bekalan Air	145,124,792.19	145,124,792.19
Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	0.00	0.00
Perbadanan Johor	12,036,586.97	14,488,539.42
Pelbagai Pinjaman	0.00	0.00
Penjadualan Semula Pinjaman	0.00	0.00

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN**1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN**

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan Penyata Kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan kerajaan Negeri Johor Darul Takzim.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan :
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu Kumpulan Wang;
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu;
 - iii) Seksyen 7, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut;
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa;

- ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa;
- iii) Mengakaunkan urusanniaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapus kira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Johor Darul Takzim.
- e) Tahun Kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Matawang yang digunakan dalam Penyata Kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan matawang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas penambahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

Persembahan Penyata Kewangan dan nota yang disertakan menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) , *Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut;

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di intitusi kewangan yang dibenarkan. Mulai tahun 2011, pelaburan deposit dalam negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang telah diklasifikasikan sebagai wang tunai dalam bank selaras dengan *Para 1.2.3 Cash Basis IPSAS*.

Wang tunai dalam perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat Perbendaharaan Negeri Johor pada akhir tahun kewangan.

Wang tunai dalam tangan merupakan wang panjar.

Wang Tunai pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

PENYATA WANG TUNAI (NOTA 3) PADA 31 DISEMBER 2021

	2021	2020
	RM	RM
WANG TUNAI DALAM TANGAN		
Panjar Wang Runcit	282,350.00	281,350.00
Panjar Wang Khas	800,000.00	800,000.00
JUMLAH WANG TUNAI DALAM TANGAN	1,082,350.00	1,081,350.00
WANG TUNAI DALAM PERJALANAN		
Wang Tunai Belum Dibankkan	0.00	0.00
JUMLAH WANG TUNAI DALAM PERJALANAN	0.00	0.00
WANG TUNAI DALAM BANK		
Bank Terimaan	24,983,275.50	10,020,834.73
Bank Bayaran	1,125,100.45	1,978,212.00
Bank Elektronik Fund Transfer (EFT)	53,363,454.84	151,924,240.56
Bank Agen	-	-
Akaun Bank Lain	-	-
Deposit	650,000,000.00	830,000,000.00
JUMLAH WANG TUNAI DALAM BANK	729,471,830.79	993,923,287.29
JUMLAH BESAR WANG TUNAI	730,554,180.79	995,004,637.29

Maklumat terperinci wang tunai dapat dirujuk di **LAMPIRAN 1 -Penyata Wang Tunai Terperinci**.

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada **pelaburan Kumpulan Wang amanah** (sekiranya ada) dan **pelaburan am** dan dinyatakan dalam nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9 dan Suratcara Amanah Seksyen 10., Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) serta peraturan yang berkuatkuasa. **Pelaburan Am** adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Yang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

**PENYATA PELABURAN (NOTA 4)
PADA 31 DISEMBER 2021**

PERIHAL	2021	2020
	Nilai Buku (RM)	Nilai Buku (RM)
PELABURAN DARIPADA SUMBER DANA AM		
Bank-Bank	1,496,000,000.00	1,666,000,000.00
Saham Dan Syer	-	-
Saham Amanah	18,000,000.00	18,000,000.00
Bil Perbendaharaan	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	-	-
Sukuk	-	-
Bon	-	-
Deposit	-	-
Entiti Lain	-	-
Pelbagai Aset Kewangan	-	-
PELABURAN DARIPADA SUMBER AKAUN AMANAH		
Bank-Bank	-	-
Saham Dan Syer	-	-
Saham Amanah	231,777.28	229,707.01
Bil Perbendaharaan	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	-	-
Sukuk	-	-
Bon	-	-
Deposit	-	-
Entiti Lain	-	-
Pelbagai Aset Kewangan	-	-
PELABURAN DARIPADA SUMBER PERUNTUKAN TAHUNAN (VOT)		
Bank-Bank	-	-
Saham Dan Syer	-	-
Saham Amanah	-	-
Bil Perbendaharaan	-	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	-	-
Sukuk	-	-
Bon	-	-
Deposit	-	-
Entiti Lain	-	-
Pelbagai Aset Kewangan	-	-
JUMLAH PELABURAN	1,514,231,777.28	1,684,229,707.01

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengaunkan semua urusan terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61).

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

PENYATA AKAUN HASIL DISATUKAN (NOTA 5) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

		2021		2020	
	Anggaran RM	Sebenar (RM)	% Anggaran	Sebenar (RM)	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		1,204,236,049.27		1,193,581,416.58	
PELARASAN JURNAL - TAHUN SEBELUM		0.00		0.00	
HASIL					
Hasil Cukai	773,457,000.00	550,364,437.12	71.16	685,460,342.76	82.31
Hasil Bukan Cukai	605,338,000.00	681,309,760.66	112.55	762,503,248.23	104.38
Terimaan Bukan Hasil	230,275,000.00	196,473,285.73	85.32	226,328,019.19	101.61
JUMLAH HASIL	1,609,070,000.00	1,428,147,483.51	88.76	1,674,291,610.18	93.75
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	555,209,407.79	541,995,639.56	97.62	522,463,277.19	97.67
Perkhidmatan Dan Bekalan	273,803,376.66	213,793,254.78	78.08	211,603,950.57	78.58
Aset	23,661,634.80	16,122,806.61	68.14	21,112,418.07	90.78
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,025,547,644.75	193,039,973.97	18.82	194,625,694.15	19.82
Perbelanjaan Lain-Lain	13,309,936.00	13,225,386.90	99.36	18,831,637.51	97.64
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS (SEBELUM PINDAHAN)	1,891,532,000.00	978,177,061.82	51.71	968,636,977.49	52.96
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan		640,000,000.00		695,000,000.00	
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS (SELEPAS PINDAHAN)	1,891,532,000.00	1,618,177,061.82	85.55	1,663,636,977.49	90.97
Lebihan/Kurangan Bagi Tahun	(282,462,000.00)	(190,029,578.31)		10,654,632.69	
BAKI AKAUN HASIL DISATUKAN PADA 31 DISEMBER		1,014,206,470.96		1,204,236,049.27	

(a) HASIL

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana Undang-undang.

Hasil Mengikut penjenisan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

PENYATA HASIL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

PERIHAL	Kod	2021				2020	
		Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
Hasil Cukai							
Cukai Tanah	61100	677,152,000.00	677,152,000.00	490,774,811.81	72.48	619,584,900.81	87.58
Cukai Galian	61200	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Parit Dan Taliair	61300	35,000.00	35,000.00	38,277.20	109.36	92,794.30	0.00
Cukai Hasil Hutan	61400	0.00	0.00	0.00	0.00	3,291,839.36	65.84
Cukai Langsung Yang Lain	61500	20,000.00	20,000.00	15,604.80	78.02	15,144.00	75.72
Cukai Pendapatan	61600	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Royalti	61800	56,699,000.00	56,699,000.00	57,341,131.05	101.13	54,580,048.92	88.03
Duti Kastam - Eksport	62100	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Duti Kastam - Import	62200	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Duti Eksais	62300	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Jualan Atas Barang-Barang Perkilangan	62400	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Jualan Atas Import	62500	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Perkhidmatan	62600	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Levi	62700	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Hiburan	62800	39,551,000.00	39,551,000.00	2,194,612.26	5.55	7,895,615.37	13.55
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	62900	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Barangan Dan Perkhidmatan Import	63100	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Barangan Dan Perkhidmatan Tempatan	63200	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Pelancongan	64100	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Hasil Cukai		773,457,000.00	773,457,000.00	550,364,437.12	71.16	685,460,342.76	82.31
Hasil Bukan Cukai							
Lesen, Bayaran Pendaftaran Dan Permit	71000	184,125,000.00	184,125,000.00	194,325,221.31	105.54	188,268,415.13	77.85
Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan	72000	84,176,000.00	84,176,000.00	88,358,729.49	104.97	80,934,380.18	89.11
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	73000	101,279,000.00	101,279,000.00	237,724,405.69	234.72	241,882,991.87	179.92
Sewaan	74000	10,920,000.00	10,920,000.00	6,661,254.80	61.00	7,775,564.73	50.68
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	75000	138,848,000.00	138,848,000.00	92,698,359.27	66.76	143,935,595.86	76.88
Denda Dan Hukuman	76000	35,990,000.00	35,990,000.00	61,541,790.10	171.00	99,706,000.46	163.90
Sumbangan Dan Bayaran Ganti Daripada Luar Negeri Dan Sumbangan Tempatan	77000	50,000,000.00	50,000,000.00	0.00	0.00	300.00	0.00
Jumlah Hasil Bukan Cukai		605,338,000.00	605,338,000.00	681,309,760.66	112.55	762,503,248.23	104.38

TERIMAAN BUKAN HASIL							
Pulang Balik Perbelanjaan	81000	12,780,000.00	12,780,000.00	31,695,356.53	248.01	30,094,672.22	258.43
Terimaan Dari Agensi Kerajaan	82000	217,495,000.00	217,495,000.00	164,056,720.95	75.43	195,600,565.89	92.66
Keuntungan Bersih Dari Kadar Pertukaran Wang	83000	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Keuntungan Atas Jualan/ Pelupusan Aset	84000	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Sumbangan	85000	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Lain-Lain Terimaan Atau Pindahan Atau Sumbangan	86000	0.00	0.00	721,208.25	0.00	632,781.08	0.00
Keuntungan Dari Perubahan Nilai Aset	87000	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Pendapatan Aset Konsesi	88000	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Terimaan Bukan Hasil		230,275,000.00	230,275,000.00	196,473,285.73	85.32	226,328,019.19	101.61
JUMLAH HASIL		1,609,070,000.00	1,609,070,000.00	1,428,147,483.51	88.76	1,674,291,610.18	93.75

Maklumat terperinci Hasil dapat dirujuk di **LAMPIRAN 2 – Penyata Hasil Terperinci**.

(b) PERBELANJAAN MENGURUS

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud **Tanggungan** dan **Bekalan** seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi **Maksud Tanggungan** adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut Undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi **Maksud Bekalan** adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Negeri selaras dengan Perkara 104, Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Maklumat terperinci perbelanjaan mengurus dapat dirujuk di **LAMPIRAN 3 – Penyata Perbelanjaan Mengurus**.

PENYATA PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

MAKSUD PERBELANJAAN	2021				2020	
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
PERBELANJAAN TANGGUNGAN						
T01 PERUNTUKAN DIRAJA	42,900,000.00	44,567,000.00	38,435,148.55	86.24	39,975,214.71	91.89
T02 SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI	1,319,000.00	1,319,000.00	952,437.14	72.21	446,645.47	69.25
T03 DEWAN UNDANGAN NEGERI	11,344,000.00	11,344,000.00	11,015,875.27	97.11	11,267,081.29	94.40
T04 SETIAUSAHA KERAJAAN	1,568,000.00	6,786,000.00	5,324,844.78	78.47	1,430,175.78	99.80
T05 BAYARAN KERANA HUTANG KERAJAAN	6,219,000.00	6,219,000.00	6,218,906.31	100.00	6,218,906.32	100.00
JUMLAH PERBELANJAAN TANGGUNGAN	63,350,000.00	70,235,000.00	61,947,212.05	88.20%	59,338,023.57	93.10%

PERBELANJAAN BEKALAN							
B01	SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI	1,401,000.00	1,401,000.00	1,140,217.73	81.39	1,232,635.26	97.91
B03	PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN	251,809,000.00	252,182,000.00	210,424,309.82	83.44	215,318,391.67	86.04
B04	PERBENDAHARAAN NEGERI	15,838,000.00	15,838,000.00	15,401,844.40	97.25	20,418,864.90	98.49
B07	JABATAN PERTANIAN	20,814,000.00	20,914,000.00	20,520,686.78	98.12	19,607,580.28	94.93
B08	JABATAN PENGALIRAN DAN SALIRAN	76,038,000.00	79,222,000.00	77,893,504.04	98.32	70,107,198.02	98.10
B10	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR	11,991,000.00	11,991,000.00	11,439,972.98	95.40	10,653,605.96	92.94
B12	KEBUN BUNGA KERAJAAN	6,530,000.00	6,530,000.00	6,266,051.47	95.96	6,131,074.53	88.57
B13	JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA	4,871,000.00	4,871,000.00	4,628,763.23	95.03	4,158,865.36	80.63
B19	JABATAN HUTAN	17,678,000.00	18,571,000.00	18,099,448.67	97.46	16,715,839.85	99.45
B21	JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR	260,048,000.00	279,116,000.00	260,776,293.01	93.43	252,134,183.88	94.56
B23	KEBAJIKAN MASYARAKAT	34,727,000.00	37,612,000.00	37,190,143.28	98.88	28,517,382.69	99.08
B24	JABATAN KERJA RAYA	83,855,000.00	83,855,000.00	79,054,348.56	94.28	74,888,551.35	90.80
B26	MUZIUM DI RAJA ABU BAKAR ISTANA BESAR JOHOR	5,513,000.00	5,513,000.00	5,271,734.82	95.62	4,790,085.55	93.25
B28	PERUNTUKAN KEPADA KUMPULANWANG TERKANUN	860,000,000.00	860,000,000.00	675,000,000.00	78.49	745,500,000.00	89.44
B29	MAHKAMAH SYARIAH	11,861,000.00	11,861,000.00	11,272,523.63	95.04	10,096,365.71	92.81
B32	JABATAN MUFTI	2,854,000.00	2,854,000.00	2,825,944.21	99.02	2,814,611.63	97.32
B33	JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI JOHOR	2,513,000.00	2,513,000.00	2,406,616.62	95.77	2,003,076.80	81.39
B41	PEJABAT DAERAH JOHOR BAHRU	5,044,000.00	5,044,000.00	4,813,837.48	95.44	4,532,844.87	92.83
B42	PEJABAT DAERAH MUAR	6,055,000.00	6,055,000.00	5,625,637.38	92.91	5,150,387.79	99.83
B43	PEJABAT DAERAH BATU PAHAT	5,542,000.00	5,869,000.00	5,718,045.02	97.43	5,198,000.00	100.00
B44	PEJABAT DAERAH PONTIAN	4,764,000.00	4,764,000.00	4,626,167.61	97.11	4,343,939.81	91.78
B45	PEJABAT DAERAH SEGAMAT	4,951,000.00	5,016,000.00	4,792,944.27	95.55	4,808,835.08	95.66
B46	PEJABAT DAERAH KLUANG	4,540,000.00	4,540,000.00	4,199,327.56	92.50	4,167,898.32	96.03
